

# Kaedah Timbang Tara dalam Pertikaian Kewangan Islam

## *(Arbitration Method in Islamic Financial Disputes)*

NUR KHALIDAH DAHLAN

### ABSTRAK

*Sektor kewangan Islam di Malaysia memperlihatkan perkembangan dan pertumbuhan yang pesat sejak beberapa dekad yang lepas. Oleh itu, kewujudan undang-undang dan mekanisme penyelesaian dalam kaedah timbang tara dilihat boleh memberikan penyelesaian terhadap permasalahan berkaitan dengan produk kewangan Islam. Pelaksanaan kaedah timbang tara menekankan tempoh proses penyelesaian pertikaian yang singkat iaitu dalam tempoh masa tiga bulan. Proses penyelesaian pertikaian yang adil, telus dan mengikut persetujuan bersama antara pihak-pihak yang terlibat. Tiada kos dikenakan oleh mahkamah terhadap permohonan pihak-pihak yang terlibat berhubung dengan apa-apa prosiding sepanjang tatacara timbang tara ini dilaksanakan. Akhir sekali, kaedah ini yang khususnya kepada kaedah penyelesaian pertikaian dalam Islam, boleh digunakan oleh pelbagai kaum dan agama tanpa prejudis bagi menyelesaikan kes-kes berkaitan kewangan Islam.*

*Kata kunci: Kaedah timbang tara; kewangan Islam; penyelesaian pertikaian alternatif*

### ABSTRACT

*Islamic finance sector is becoming more and more develop since its first existence (some decade ago) in Malaysia. The laws and its mechanisms in Islamic banking (in terms of Arbitration method) will possibly become a solution in Islamic finance matters. The Arbitration method emphasize the implementation of the dispute resolution process within 3 months (a short period). It is considered as a fair, transparent of dispute resolution process based on mutual agreement between the parties involved. No cost is imposed by the court on the parties involved in relation to any proceedings during the procedure of arbitration. Finally, this method can also be specifically in a form of Islamic alternative dispute resolution, where it can be adopted by various races and religions without prejudice to resolve the cases related to Islamic finance.*

*Keywords: Arbitration; Islamic finance; alternative dispute resolution*

## PENGENALAN

Menurut Amin (1988),<sup>1</sup> sejak zaman prasejarah Islamiyah, konsep *tahkim* (timbang tara) telah dikenali dan diamalkan untuk menyelesaikan pelbagai jenis pertikaian sivil dan komersial. *Award* timbang tara tidak boleh dikuatkuasakan terhadap pihak-pihak yang terlibat itu, melainkan jika ketua puak memutuskan *award* timbang tara itu dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, *Award* penimbang tara yang dilantik melalui *takaz* (pengesahan) itu akan diadakan secara berkala di Mekah. Lazimnya proses ini akan mengikat dan dipatuhi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Setiap ulama mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan dengan prinsip timbang tara (El-ahdab 2011).<sup>2</sup> Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafie menyatakan bahawa konsep timbang tara adalah seperti perdamaian. *Award* yang diputuskan melalui kaedah timbang tara akan mengikat pihak-pihak yang terlibat tetapi hanya apabila mereka bersetuju. Para pengikut Mazhab Hanafi dan Shafie juga berpendapat bahawa jika suatu *award* timbang tara dianggap sebagai mengikat, ini akan mencabar pihak berkuasa kerajaan, hakim, dan akhirnya imam (sultan). Kedua-dua Mazhab Maliki dan Hanafi turut berpendapat bahawa *award* yang diberikan oleh seorang penimbang tara akan mengikat kecuali jika *award* mengandungi unsur-unsur ketidakadilan. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja *award* timbang tara difailkan di mahkamah kadi, *award* tersebut akan menjadi mengikat jika kadi mendapati bahawa tiada kesalahan dalam *award* itu.

## SEJARAH HUBUNGAN ANTARA ISLAM DENGAN KAEDAH TIMBANG TARA

Timbang tara secara khusus disebutkan dalam Al-Quran dalam Surah An-Nisa (4), ayat 35,

Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah ‘orang tengah’ (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua ‘orang tengah’ itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuannya.

Walaupun kaedah timbang tara (*tahkim*) ini sering tertumpu pada pertikaian perkahwinan, terdapat juga kes pertikaian komersial yang menggunakan kaedah ini. Timbang tara di bawah undang-undang Islam dikenali sebagai *tahkim*, iaitu pihak-pihak bersetuju menyelesaikan pertikaian mereka dengan merujuk penimbang tara yang dikenali sebagai *hakam* atau *muhakkam*.

Al-Quran dan Sunnah telah menekankan kepentingan dan faedah menyelesaikan pertikaian dengan cepat dan teliti. Timbang tara (*tahkim*) ialah suatu kaedah yang boleh digunakan untuk mencapai matlamat ini. Apabila pihak-pihak yang bertikai telah mempertimbangkan dengan teliti dan menggubal fasal-fasal dalam suatu perjanjian kewangan Islam, mereka harus yakin bahawa apa-apa pertikaian yang mungkin timbul akan dikendalikan secara sulit, saksama, mengikut garis panduan prinsip Syariah dan mencapai persetujuan yang memihak kepada semua pihak yang terlibat.

Perkara-perkara yang tidak boleh melalui kaedah timbang tara ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan *li'an*, *nasab*, *talaq*, *fasakh*, *nikah*, *baligh*, *safih*, *mafqud al-khabar*, *wakaf*, hal-hal yang berkaitan dengan pendapatan, *hadd* dan *takzir*. Hanafi membataskan kaedah timbang tara kepada hal-hal yang berkaitan dengan hak peribadi pihak yang melibatkan perkara komersial dan tidak melibatkannya kepada hal-hal *hadd*, *qisas*, dan *ta'zir*. Maliki mengembangkan kaedah timbang tara ini kepada kes *qisas*. Hanbali dan shafie pula membenarkannya hanya dalam kes-kes komersial. Kaedah timbang tara tidak dibenarkan dalam apa-apa jenis

pertikaian, kadi (hakim) sahaja berwibawa untuk membuat *award* (Saleh 2011).<sup>3</sup>

Seorang penimbang tara perlu mempunyai kelayakan yang sama seperti kelayakan untuk dilantik sebagai kadi. Seorang penimbang tara mestilah lelaki, dewasa, bijak, merdeka, Muslim dan adil. Kelayakan bukan Muslim ada disebut dalam ayat yang lain: AlQuran, Surah al-Nisaa (4:14)

Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, dan melampaui batas-batas Syariat-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekallah dia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghinna.

Bagaimanapun, dari sudut pandangan yang lain, terdapat kebenaran untuk orang yang bukan beragama Islam bertindak sebagai penimbang tara. Pandangan ini turut berdasarkan kepada ayat al-Quran berikut: AlQuran, Surah Al-Nisaa (4:35)

Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah 'orang tengah' (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua 'orang tengah' itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya.

Berpandukan surah di atas, menurut El-ahdab (2011),<sup>4</sup> jika isteri bukan Islam, dia secara sah boleh melantik seorang bukan Islam untuk menjadi wakil beliau kerana tidak ada larangan yang khusus dalam surah ini terhadap pelantikan itu. Oleh itu, kaedah timbang tara itu hendaklah dijalankan oleh seorang Muslim dan seorang yang bukan Islam yang merupakan seorang penimbang tara yang mewakili seseorang yang bukan Islam. Oleh itu, sejak zaman *kitabiyah* seseorang wanita yang beragama Kristian atau Yahudi boleh menjadi isteri kepada seorang lelaki Muslim. Oleh hal yang demikian, seseorang yang bukan Islam (pengikut kitab) boleh melantik seseorang Muslim sebagai penimbang taranya.

Walau bagaimanapun, pengecualian akan dibenarkan dalam kes timbang tara yang sedang berlaku di negara bukan Islam. Perkara ini berdasarkan Al-Quran, Surah al-Maidah (5: 106) yang membolehkan orang Islam yang berada di negara bukan Islam mempunyai saksi bukan Islam jika dia mahu membuat *wassiyah*, dengan syarat saksi Muslim tidak boleh diperolehi. Al-Quran, Surah al-Maidah (5: 106) memeruntukkan bahawa:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut. Kalau kamu ragu-ragu tentang kejujuran kedua saksi itu, hendaklah kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka (disuruh) bersumpah dengan nama Allah (dengan berkata: "Demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu harta benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat, dan kami tidak menyembunyikan (keterangan yang kami ketahui) sebagai saksi (sebagaimana yang diperintahkan oleh) Allah, (kerana jika kami menyembunyikannya) tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa".

Kaedah timbang tara adalah asing di mata undang-undang Islam jika melibatkan pihak yang bukan Islam walaupun mereka bermastautin di negara Islam. Oleh itu, suatu *award* kaedah timbang tara sivil akan dilihat dari tiga sudut yang berbeza oleh undang-undang Syariah, iaitu:

1. Suatu *award* daripada kaedah timbang tara sivil tidak akan ditadbir oleh undang-undang Syariah tanpa mengira hakikat sama ada timbang tara dilakukan antara pihak yang Muslim dengan bukan Muslim.
2. Suatu *award* itu tidak akan dianggap asing jika kedua-dua pihak yang menggunakan kaedah timbang tara ialah Islam, atau orang-orang yang

biasanya bermastautin di sebuah negara Islam;

3. Suatu *award* akan dianggap asing jika kedua-dua pihak terdiri daripada pihak yang bukan Islam dan *award* itu akan dibatalkan jika ia melibatkan pertembungan antara kaedah timbang tara sivil dengan kaedah timbang tara Islam.

Seseorang kadi dalam sebuah negara Islam, tidak boleh mengetepikan *award* kaedah timbang tara sivil kecuali atas alasan bahawa ia bercanggah dengan beberapa prinsip Syariah.

#### SEJARAH DAN PERKEMBANGAN TIMBANG TARA DI MALAYSIA: ULASAN LITERATUR DAN KES- KES MAHKAMAH

Akta Timbang Tara 1952 diasaskan di Sarawak dan dikenali sebagai Ordinan Timbang Tara 1952 (Sarawak) yang mula berkuat kuasa di negeri Sarawak pada 18 Jun 1952. Ordinan ini juga dikenali sebagai Ordinan Sarawak nombor 5 tahun 1952 (Ordinan Sarawak bab 45). Ordinan ini telah disemak dan diperluas ke seluruh Borneo (Sarawak dan Sabah) dan Singapura melalui Pemberitahuan Undang-Undang (P.U) 447/1968 yang dikenali sebagai Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Timbang tara) (Negeri-negeri Borneo dan Singapura) 1964 yang mula berkuat kuasa pada 17 Disember 1964. Ordinan berkenaan kemudiannya telah disemak dan diperluas ke seluruh Malaysia melalui Perintah Ordinan Timbang tara (Perluasan) 1972 (atau dikenali juga sebagai P.U (A) 162/1972). Ordinan ini telah dijadikan Akta Parlimen yang dinamakan Akta Timbang Tara 1952 (Akta Parlimen No. 93) dan mula berkuat kuasa di seluruh Malaysia mulai pada 1 November 1972. Pada tahun 1980, akta ini telah dipinda (terutama bagi memasukkan satu seksyen baharu, iaitu seksyen 34) melalui Akta Timbang Tara (Pindaan)

1980 Akta A478/80, dan mula berkuat kuasa pada 1 Februari 1980.

Rujukan kepada timbang tara merupakan suatu pilihan alternatif guaman di mahkamah. Oleh itu, sekiranya kes itu tidak dijadikan kes mahkamah, maka pihak-pihak yang berkenaan bolehlah bersetuju untuk menyerahkan kes tersebut kepada penimbang tara untuk diselesaikan. Dalam buku *Anson's Law of Contract* (1979)<sup>5</sup> ada disebutkan bahawa:

Tidaklah dibantah untuk kontrak mengandungi fasal bahawa setiap pertikaian atau perselisihan antara pihak-pihak hendaklah dirujuk dan diselesaikan melalui timbang tara. Fasal sedemikian adalah sah dan mengikat, tetapi tidak boleh melucutkan hak pihak-pihak yang terlibat untuk membawa mana-mana persoalan undang-undang bagi ditentukan oleh mahkamah biasa.

Timbang tara (*arbitration*) dan pengantaraan (*mediation*) ialah kaedah penyelesaian pertikaian alternatif (PPA) yang sering diamalkan dalam pertikaian kewangan di Malaysia. Timbang tara ialah kaedah penyelesaian pertikaian yang melibatkan orang yang berselisih faham membentangkan kes mereka di hadapan penimbang tara yang bebas, tidak berat sebelah dan merupakan pakar yang mempunyai pengetahuan undang-undang. Penimbang tara ini akan membuat *award* setelah melakukan pemeriksaan fakta-fakta dalam kes itu. Jika pihak-pihak yang terlibat telah bersetuju, *award* tersebut akan mengikat mereka. Berlainan dengan kaedah pengantaraan, ia merupakan satu proses, iaitu pihak ketiga akan menjadi pihak yang neutral bagi pihak-pihak yang berselisih faham untuk mencapai penyelesaian yang dipersetujui bagi konflik mereka.

Menurut Guest (1979),<sup>6</sup> setiap jenis pemasalahan atau pertikaian yang boleh diselesaikan dengan cara mengambil tindakan undang-undang, boleh jua diselesaikan dengan kaedah timbang tara iaitu apabila melibatkan pemasalahan atau pertikaian dalam perniagaan, perdagangan antarabangsa, insurans, sekuriti dan teknologi untuk hubungan buruh,

pekerjaan, alam sekitar, dasar awam, penyelewengan dalam perubatan dan undang-undang keluarga. Terdapat berjuta-juta kontrak komersial yang mengandungi fasal yang mengadakan peruntukan bagi timbang tara. Walaupun pihak-pihak yang terlibat sering tidak memasukkan fasal tentang kaedah timbang tara dalam perjanjian mereka, tetapi itu tidak menunjukkan pihak-pihak itu tidak bersetuju untuk memilih menggunakan kaedah timbang tara.

Kaedah timbang tara merupakan satu pendekatan PPA yang boleh mengurangkan masa dan kos perbelanjaan

untuk mencapai satu penyelesaian. Terdapat suatu definisi yang menyatakan kaedah timbang tara ini merupakan '*Businessman's method of resolving disputes*' yang ditadbir oleh kerajaan negeri, undang-undang persekutuan, dan berdasarkan peraturan-peraturan timbang tara. Menurut Bennett (2000),<sup>7</sup> proses PPA adalah neutral, seperti seorang hakim yang berkhidmat sebagai pencari fakta dan pemberi *award* serta menyediakan pihak-pihak yang terlibat suatu penilaian merit tentang semua aspek dalam kes tersebut.

Kebaikan dan kelemahan timbang tara digambarkan oleh jadual di bawah.

JADUAL 1. Kebaikan dan kelemahan kaedah Timbang tara

KEBAIKAN KAEDAH TIMBANG TARA	KELEMAHAN KAEDAH TIMBANG TARA
<i>Mudah</i> - Semasa menjalankan proses timbang tara, perkara dan peraturan tatacara yang teknikal seperti yang terdapat di mahkamah sivil tidaklah diikuti dengan tegas. Oleh itu, proses timbang tara adalah mudah jika dibandingkan dengan proses perbicaraan di mahkamah.	<i>Kepakaran undang-undang</i> - Kemungkinan wujud persoalan yang melibatkan undang-undang. Seseorang penimbang tara mungkin tidak mempunyai kepakaran dalam undang-undang yang mencukupi untuk bertindak dalam persoalan yang melibatkan undang-undang.
<i>Selesa</i> - Proses timbang tara boleh dijalankan di mana-mana dan pada bila-bila masa mengikut kelapangan pihak-pihak yang bertikai dan penimbang tara. Seksyen 14 Akta timbang tara 1952 membenarkan penimbang tara, dalam keadaan biasa, membuat award pada bila-bila masa.	<i>Mahal</i> - Walaupun biasanya bayaran dan kos urusan timbang tara lebih murah dibandingkan dengan bayaran dan kos perbicaraan di mahkamah, namun kadangkala bayaran kos timbang tara lebih mahal daripada bayaran dan kos mahkamah. Setiap pihak yang merujuk kaedah timbang tara perlu membayar bayaran penimbang tara dan wasit. Jika penimbang tara dan wasit itu ialah profesional dan pakar, maka bayarannya biasanya menjadi lebih mahal.
<i>Tiada gangguan</i> - Sesetengah perkara yang dipertikaikan melibatkan hal-hal peribadi dan persendirian atau ia mungkin merupakan rahsia perniagaan. Jika dibincangkan dalam timbang tara ia tidak tersebar luas kepada orang luar. Hal ini berlainan daripada perbicaraan di mahkamah terbuka, iaitu hal-hal itu boleh didengar oleh para hadirin.	<i>Doktrin duluan tidak dipakai (precedent)</i> - Doktrin duluan ialah perkara-perkara yang dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah dengan merujuk kes-kes yang serupa yang telah dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah yang setara atau mahkamah yang lebih tinggi bidang kuasanya daripada mahkamah yang merujuk sebelum itu. Dalam proses timbang tara, doktrin duluan tidak dipakai. Setiap kes yang dirujuk kepada timbang tara akan diputuskan mengikut merit kes itu sendiri dan kes itu tidak akan dirujuk

---

oleh timbang tara pada masa akan datang walaupun fakta dan kes itu adalah serupa.

---

*Cepat* - Biasanya tempoh bagi membuat award timbang tara adalah lebih pendek daripada perbicaraan di mahkamah, atau dengan kata lain, proses timbang tara adalah lebih cepat.

---

*Kepakaran* - Lazimnya penimbang tara dilantik kerana kepakarannya dalam bidang yang akan diselesaikannya melalui proses timbang tara. Hakim-hakim mahkamah pula biasanya bukanlah pakar teknikal dalam perkara-perkara komersial, dan biasanya perkara-perkara yang dipertikaikan ialah fakta-fakta komersial yang tulen dan amat sedikit melibatkan undang-undang

---

*Murah* - Pada kebiasaannya, bayaran dan kos bagi urusan timbang tara adalah lebih murah jika dibandingkan dengan bayaran dan kos perbicaraan di mahkamah.

---

*Sumber:* Mohamad Ismail Mohamad Yunus 2007 dan Abd. Aziz Hussin 1992<sup>8</sup>

---

#### AKTA TIMBANG TARA 1952 DAN AKTA TIMBANG TARA 2005

Pada peringkat awal, kaedah timbang tara di Malaysia merujuk Akta Timbang Tara 1952. Akta ini berlandaskan Akta Timbang Tara United Kingdom 1950. Pihak Majlis Peguam Malaysia dengan kelulusan kerajaan telah mendrafkan akta baharu yang berdasarkan perundangan berpandukan *United Nations Commission on International Trade Law* (UNCITRAL). Hasilnya, Majlis Peguam Malaysia telah mengemukakan draf akta tersebut kepada Jabatan Peguam Negara dan wujudlah Akta Timbang Tara 1952. Akta Timbang Tara 1952 kemudiannya dipinda kepada Akta Timbang Tara 2005.

#### AKTA TIMBANG TARA 1952

Peruntukan dalam Akta Timbang Tara 1952 secara ringkas adalah seperti yang berikut:

Seksyen 3 memperuntukkan tentang kesan perjanjian timbang tara dan jika terdapat perselisihan pendapat dalam perjanjian tersebut, seorang penimbang tara hanya boleh membatalkan dengan kebenaran Mahkamah Tinggi.

Seksyen 5 memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi boleh memerintahkan penimbang tara untuk membuat *award* bagi isu-isu timbang tara yang berkaitan prosiding kebangkrapan.

Seksyen 6 memperuntukkan kuasa untuk menggantung prosiding yang telah dimulakan di mahkamah. Hal ini kerana perkara berkenaan terkandung dalam perjanjian timbang tara, dan dengan itu, perintah mahkamah bagi menggantung prosiding diperlukan bagi membolehkan perkara itu dirujuk kepada timbang tara.

Seksyen 7 menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa terhadap perjanjian timbang tara bagi pihak yang menuntut *interplider*<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Satu prosiding untuk relif daripada tuntutan pihak-pihak yang bertentangan. Hal ini terjadi apabila seseorang mendapati dirinya terdedah kepada tuntutan bertentangan (iaitu yang saling

mengikut peruntukkan perjanjian timbang tara berkenaan.

Seksyen 9 memperuntukkan kuasa pihak-pihak untuk melantik penimbang tara mengikut perjanjian timbang tara dalam hal-hal yang tertentu bagi tujuan mengisi kekosongan penimbang tara, dan juga kuasa Mahkamah Tinggi untuk menyetepikan pelantikan itu.

Seksyen 10 memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk memerintahkan wasit untuk menjadi penimbang tara tunggal. Seksyen 12 pula memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk melantik Penimbang Tara atau Wasit dalam hal-hal yang tertentu

Seksyen 13 memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk mengeluarkan sapina untuk memaksa kehadiran saksi-saksi di hadapan penimbang tara dan juga untuk memerintahkan jaminan kos, penemuan, *interogatori*<sup>2</sup> dan memberi keterangan melalui affidavit.

Seksyen 14 memberi Mahkamah Tinggi kuasa untuk melanjutkan had masa untuk membuat *award* dan juga untuk penyingkiran seseorang Penimbang Tara atau Wasit, yang tidak meneruskan timbang tara dalam masa yang ditetapkan.

Seksyen 19 memperuntukkan penetapan kos yang perlu dilakukan di Mahkamah Tinggi jika penimbang tara gagal berbuat demikian. Kos dalam prosiding timbang tara ialah perbelanjaan dalam prosiding yang biasanya dibayar oleh pihak yang kalah. Kos-kos ini termasuk kos saman, kos menguatkuasakan *award* dan kos-kos

---

bertentangan) daripada dua pihak yang berlawanan, yang setiap pihak menghendaknya (orang itu) membayar sejumlah wang atau menyerahkan barang-barang tertentu, dan orang itu pula tidak dapat untuk mematuhi dengan sepenuhnya (dengan selamatnya) akan suatu tuntutan daripada mana-mana pihak berkenaan itu kerana wujudnya syak yang munasabah tentang siapa antara mereka yang merupakan pihak yang berhak menuntut daripadanya.

<sup>2</sup> Soalan-soalan bertulis yang dikendalikan oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi tentang suatu perkara bagi suatu prosiding.

tambahan yang disahkan oleh penimbang tara atau wasit kerana tindakan tidak munasabah pihak yang satu lagi dalam timbang tara.

Seksyen 22 memberi kuasa kepada penimbang tara untuk merujuk apa-apa persoalan undang-undang dalam bentuk kes khas untuk mendapatkan Award daripada Mahkamah Tinggi. Seksyen 23 memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk mengembalikan semula Award (*award*) timbang tara kepada penimbang tara untuk dipertimbangkan semula. Seksyen 24 memperuntukkan pemecatan penimbang tara dalam keadaan tertentu seperti penimbang tara telah melakukan perbuatan salah laku.

Seksyen 25 memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk memberi bantuan dalam kes penimbang tara tidak adil atau pertikaian itu melibatkan soal penipuan. Seksyen 26 memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk melantik penimbang tara jika penimbang tara telah dipecat atau kuasa penimbang tara dibatalkan. Seksyen 27 memperuntukkan penguatkuasaan *award* timbang tara.

Proses kaedah timbang tara dianggap sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif selain membawa suatu permasalahan itu terus ke mahkamah untuk diselesaikan. Oleh hal yang sedemikian, kerajaan telah mengambil inisiatif menggubal semula undang-undang tentang timbang tara ini. Akta Timbang Tara 2005 telah digubal untuk memenuhi dan melaksanakan obligasi Malaysia yang berpandukan UNCITRAL dan *Model Law of International Arbitration 1985*. Akta tersebut dapat menyediakan peruntukan yang lebih baik berkaitan tatacara timbang tara bagi menyelesaikan semua jenis pertikaian perdagangan di peringkat dalam negeri dan juga antarabangsa.

## AKTA TIMBANG TARA 2005

Akta Timbang Tara 2005 (Akta 646) telah digubal pada 30 Disember 2005 untuk membawa asas pembaharuan terhadap

kaedah timbang tara. Akta ini digunakan dalam semua pertikaian komersial termasuk pertikaian kewangan Islam, iaitu pihak-pihak bersetuju untuk merujuk timbang tara menurut suatu perjanjian timbang tara yang ditandatangani oleh mereka. Bab 3 (seksyen 12 hingga 17) menerangkan komposisi penimbang tara berdasarkan seksyen 12 yang memperuntukkan bahawa pihak yang terlibat adalah bebas untuk menentukan bilangan penimbang tara yang diperlukan dalam kes mereka.

Bab 4 (seksyen 18 hingga 19) pula memperuntukkan bidang kuasa tribunal timbang tara manakala Bab 5 (seksyen 20 hingga 29) selanjutnya memperuntukkan proses prosiding bagi kaedah timbang tara. Bahagian III memperuntukkan bahawa mahkamah hanya mempunyai beberapa kawalan ke atas prosiding timbang tara. Misalannya, seksyen 21 memberikan kebebasan kepada pihak-pihak untuk menentukan tatacara yang hendaklah diikuti oleh Tribunal Timbang Tara dalam menjalankan prosiding itu. Pihak-pihak juga diberi kebebasan untuk memilih bahasa yang akan digunakan semasa prosiding itu menurut kuasa seksyen 26.

Seksyen 36 pula menetapkan bahawa suatu *award* yang dibuat oleh Tribunal Timbang Tara berdasarkan suatu perjanjian timbang tara adalah muktamad dan mengikat secara sah terhadap pihak-pihak yang terlibat. *Award* ini juga boleh dianggap sebagai pembelaan, pembatalan atau lain-lain dalam apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah dan Tribunal Timbang Tara. Maka dengan itu, *Award* oleh Tribunal Timbang Tara tidak boleh mengubah, meminda, membetulkan, mengkaji semula, menambah kepada atau membatalkan *award* yang telah dibuat. Namun begitu, berdasarkan seksyen 35, suatu *Award* yang dibuat oleh Tribunal Timbang Tara boleh diubah.

Selain itu, seksyen 38 yang menyatakan bahawa permohonan secara bertulis hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi, dan jika kaedah

timbang tara dijalankan di Malaysia atau dari luar negara; seksyen 39 akan mengiktiraf suatu penghakiman itu sebagai mengikat dan dikuatkuasakan melalui catatan atau melalui tindakan.

Tatacara dalam suatu rujukan timbang tara pada amnya sama seperti dalam perbicaraan kes di mahkamah sivil. Bab 5 dalam Akta Timbang Tara 2005 berkaitan perjalanan prosiding timbang tara. Pihak-pihak yang bertikai akan dilayan sama rata dan setiap pihak akan diberi peluang yang adil dan munasabah untuk mengemukakan kes mereka. Pihak-pihak yang terlibat hendaklah bersetuju dengan tatacara yang ditentukan oleh Tribunal Timbang Tara. Jika pihak-pihak tidak bersetuju, tribunal boleh menjalankan prosiding mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai. Tempat timbang tara dan bahasa yang digunakan adalah bebas dan hendaklah dipersetujui bersama. Tribunal Timbang Tara boleh melantik seorang pakar untuk melaporkan kepadanya tentang isu spesifik yang hendaklah ditentukan oleh tribunal tersebut. Sekiranya mendapat kelulusan tribunal, pihak Mahkamah Tinggi boleh membantu dalam mengambil keterangan, sumpah atau ikrar saksi di hadapan seorang Pegawai Mahkamah Tinggi atau mana-mana orang lain, termasuk Tribunal Timbang Tara.

*Award* yang dibuat oleh panel penimbang tara merujuk seksyen 31 Akta Timbang Tara 2005, iaitu apa-apa *award* Tribunal Timbang Tara hendaklah dibuat oleh majoriti panel penimbang tara dan soal tatacara boleh diputuskan oleh pengerusi penimbang tara. Seksyen 36, pula menerangkan bahawa segala *award* oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat. Tribunal Timbang tara tidak boleh mengubah, meminda, membetulkan, mengkaji semula, menambahkan kepada atau membatalkan *award* yang telah dibuat kecuali terdapat permintaan dari pihak-pihak yang terlibat untuk membetulkan atau terdapat *award* tambahan dalam masa 30 hari dari penerimaan *award*.




Menurut kes *Scott v Avery*,<sup>10</sup> telah diputuskan bahawa sesuatu perjanjian yang mensyaratkan bahawa mereka perlu menangguhkan hak masing-masing untuk membuat tuntutan selagi *award* tidak dibuat oleh penimbang tara tidaklah menyalahi dasar awam dan bahawa syarat sedemikian bukanlah mengetepikan bidang kuasa mahkamah.

*Award* dalam kes tersebut adalah sama seperti yang diterangkan dalam seksyen 37, iaitu tindakan pihak-pihak yang terlibat *award* Tribunal Timbang Tara. Suatu *award* boleh diketepikan oleh Mahkamah Tinggi hanya jika pihak yang membuat permohonan tersebut

memberikan bukti berkaitan perjanjian timbang tara itu dan pihak Mahkamah Tinggi mendapati bahawa hal yang dipertikaikan tersebut tidak dapat diselesaikan di bawah perundangan timbang tara Malaysia atau *award* itu bercanggah dengan dasar awam Malaysia.

Seksyen 42 menerangkan bahawa pihak yang terlibat dengan proses timbang tara boleh merujuk Mahkamah Tinggi tentang apa-apa soal undang-undang yang timbul daripada suatu *award*. Pihak mahkamah hanya akan menolak suatu rujukan jika soal undang-undang itu hanya menyebelahi hak satu pihak atau lebih.



RAJAH 1. Tatacara mahkamah sivil dan kaedah timbang tara

Sumber: Manual Tatacara Kerja (Semakan Sivil) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMPM) 2011 & Peraturan Timbang Tara-i AIAC

Begitu juga jika pihak-pihak yang bertikai itu tidak ada priviti kontrak (hubungan secara langsung atau berkait di sisi undang-undang kontrak) maka rujukan kepada timbang tara juga tidak boleh dibuat. Kes *Firma Palmbulk Services Sdn Bhd v Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang & SL*,<sup>11</sup> secara ringkas boleh dirujuk fakta kes ini ialah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah memajakkan sebidang tanahnya kepada Kumpulan Firma (KF). KF pula telah memberi pajakan kecil tanah itu kepada

Firma Palmbulk Services Sdn. Bhd. (FPS). Perjanjian pajakan ini mengandungi fasal tentang rujukan kepada dua penimbang tara (iaitu seorang dilantik daripada setiap pihak) jika adanya pertikaian antara pihak-pihak. FPS kemudiannya melantik United Engineers (M) Bhd (UEM) dan Juantara Konsultant Sdn. Bhd. (JK) sebagai pemborong-pemborongnya. SPPP menyewakan pula sebidang tanah kepada UEM untuk dijadikan stor bahan-bahan binaan milik UEM.

Kemudiannya, wujud pertikaian antara FPS dengan SPPP. SPPP

kemudiannya telah meminta FPS melantik seorang penimbang tara bagi wakil FPS dan SPPP turut telah melantik seorang penimbang tara bagi pihak mereka. Apabila tiada jawapan daripada FPS, SPPP menggunakan kuasa peruntukan seksyen 9(b) Akta Timbang Tara 1952, iaitu seorang penimbang tara sahaja diperlukan. Namun begitu, FPS memaklumkan SPPP bahawa tiada perjanjian timbang tara yang wujud antara FPS dengan SPPP. Maka, tiada asas untuk melantik seorang penimbang tara untuk menyelesaikan permasalahan mereka. Mahkamah telah memutuskan dalam kes ini bahawa tidak wujud priviti kontrak antara SPPP dengan FPS. Oleh itu, SPPP tidak boleh menguatkuasakan Fasal 2 perjanjian pajakan kecil tentang pelantikan penimbang tara.

Kos-kos bagi proses perbelanjaan membuat rujukan kepada penimbang tara dan bagi perbelanjaan membuat *award* akan diputuskan atas budi bicara Tribunal Timbang Tara (seksyen 44).

Asas-asas objektif kewujudan Akta Timbang Tara 1952 dan 2005 adalah berdasarkan empat justifikasi yang utama, iaitu Pertama, menyumbang dan memberi kebebasan kepada pihak-pihak yang bertikai untuk menentukan undang-undang substantif yang terpakai di Tribunal Timbang Tara dan tidak hanya menghadkan kepada undang-undang Malaysia serta bagi menggalakkan pihak-pihak di luar negara untuk membuat timbang tara di Malaysia. Justifikasi yang kedua adalah untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi di Malaysia untuk membuat perintah bagi apa-apa langkah interim dengan izin walaupun tempat timbang tara adalah di luar Malaysia. Justifikasi yang ketiga, akta ini turut membolehkan Mahkamah Tinggi membuat perintah penahanan harta ikat jamin atau jaminan lain sebelum atau semasa prosiding timbang tara sebagai jaminan bagi amaun dalam pertikaian. Justifikasi terakhir adalah sekiranya terdapat lakuna dalam peruntukan dalam akta ini, implikasi

perundangan akan berdasarkan *UNCITRAL Model Law*.<sup>12</sup>

Menurut Auerbach (1983),<sup>13</sup> beliau berpendapat bahawa kaedah penyelesaian pertikaian alternatif seperti kaedah timbang tara akan diteruskan dan akan terus meningkat amalannya. Hal ini kerana sistem perundangan akan sentiasa berkembang berdasarkan keadaan semasa. Hasilnya, beliau menyimpulkan bahawa keinginan untuk membentuk suatu pengadilan tanpa perbicaraan mahkamah akan sentiasa kekal. Seperti perubahan dalam masa dan perubahan terhadap kepentingan aspek sosial, keadaan-keadaan yang tertentu akan mewujudkan ruang bagi kaedah pengadilan tanpa perbicaraan mahkamah ini untuk berkembang.

Sehubungan itu, mengenal pasti dan membincangkan Peraturan perundangan alternatif seperti kaedah timbang tara merupakan satu langkah yang efektif menyelesaikan dalam apa jua pertikaian dan kini kaedah ini telah pun diaplikasikan dalam bidang kewangan Islam oleh Pusat Antarabangsa Timbang Tara Asia (AIAC).

#### PUSAT TIMBANG TARA ANTARABANGSA ASIA, MALAYSIA

Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia atau dikenali sebagai *Asian International Arbitration Centre, Malaysia* (AIAC) telah ditubuhkan pada tahun 1978 oleh Pertubuhan *Asian-African Legal Consultative Organisation* (AALCO) untuk menyediakan sokongan institusi sebagai tempat neutral dan bebas untuk menjalankan timbang tara secara dalam negeri dan antarabangsa. Menurut kuasa perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan AALCO, Kerajaan Malaysia menyokong penubuhan pusat serantau bagi timbang tara komersial di Kuala Lumpur serta bersetuju menyediakan kemudahan untuk penubuhan pusat tersebut. AIAC dianugerahkan dengan keistimewaan dan kebebasan tertentu bagi melaksanakan

fungsinya sebagai sebuah institusi antarabangsa.

AIAC ialah sebuah institusi yang bukan berlandaskan keuntungan dan merupakan institusi timbang tara antarabangsa yang bebas menerima pakai Peraturan Timbang Tara UNCITRAL dengan pengubahsuaian, yakni Peraturan untuk Pusat Antarabangsa bagi Timbang tara (Peraturan AIAC). AIAC adalah di bawah pentadbiran dan pengawasan Ketua Setiausaha AALCO. Peranan dan fungsi AIAC adalah untuk:

1. Menggalakkan pengawalan kaedah timbang tara dalam bidang komersial antarabangsa di rantau Asia-Pasifik;
2. Membantu dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti institusi timbang tara sedia ada di rantau Asia-Pasifik;
3. Memberikan bantuan dalam pengendalian Timbang tara *ad hoc*, terutamanya yang diadakan di bawah Peraturan UNCITRAL;
4. Membantu dalam penguatkuasaan kaedah timbang tara;
5. Mengadakan peruntukan bagi timbang tara di bawah naungan AIAC;
6. Menjalankan fungsi-fungsi yang terkandung dalam perjanjian Penyelesaian Pertikaian Pelaburan (ICSID - *Convention on the Settlement of Investment Disputes Between States and Nationals of Other States*);
7. Menyediakan pilihan alternatif bagi penyelesaian pertikaian seperti pengantaraan di bawah Peraturan Pengantaraan daripada AIAC;
8. Mentadbir pertikaian *International and Domestic (My Domain Name) Disputes* serta Dasar dan peraturan tambahan oleh AIAC;
9. Mentadbir *Generic Top Level Domain Name Disputes* di bawah MOU ditandatangani dengan *Asian Domain Name Dispute Resolution Centre (ADNDRC)* dan *Hong*

*Kong International Arbitration Centre (HKIAC)*; dan

10. Melantik penimbang tara bagi menyelesaikan pertikaian pihak-pihak yang terlibat, apabila diminta di bawah *Rules for Arbitration of AIAC* dan Akta Timbang Tara Malaysia 2005.

Peraturan Timbang Tara-i AIAC (*AIAC i-Arbitration Rules*) dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama terdiri daripada panduan rujukan yang menggabungkan versi terdahulu dan terkini kaedah-kaedah Timbang Tara oleh pihak AIAC. Peraturan Timbang Tara-i AIAC (*AIAC i-Arbitration Rules*) turut termasuk semua pengubahsuaian pentadbiran yang telah dibuat kepada Konvensional Kaedah Timbang Tara AIAC pada 2 Julai 2012.

Bahagian kedua peraturan ini menerima pakai Peraturan Timbang Tara UNCITRAL 2010. Pelarasan dalam peraturan ini memastikan bahawa semua timbang tara ditadbir di bawah AIAC akan berdasarkan piawaian antarabangsa yang terkini. Penggunaan Peraturan Timbang Tara UNCITRAL ini berkesan mematuhi semua keperluan dalam Konvensyen New York 1958 yang membolehkannya mendapat pengiktirafan dan penguatkuasaan di 146 buah negara.

Dengan pelancaran Peraturan Timbang Tara-i AIAC (*AIAC i-Arbitration Rules*), platform itu telah ditetapkan untuk melakukan penyelesaian pertikaian yang mengambil kira sensitiviti budaya dan agama pihak-pihak dalam bidang kewangan Islam. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah timbang tara merupakan pilihan yang lebih berdaya maju untuk menyelesaikan pertikaian yang berkaitan Syariah.

Peraturan Timbang Tara-i AIAC (*AIAC i-Arbitration Rules*) telah mengekalkan Majlis Penasihat Syariah (MPS) sebagai rujukan penting bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan prinsip Syariah. Walau bagaimanapun, jika

pihak atau Majlis yang terlibat tidak ada rangka kerja yang tertentu, maka seorang pakar Syariah akan dilantik dengan persetujuan kedua-dua pihak.

JADUAL 2. Peraturan Timbang Tara-i AIAC 2018 (semakan 2017)

Peraturan Timbang Tara-i AIAC	
PERATURAN 1	Pihak yang terlibat hendaklah membuat persetujuan secara bertulis yang menyatakan mereka bersetuju menyelesaikan pertikaian mereka melalui kaedah timbang tara.
PERATURAN 2	Persetujuan secara bertulis tersebut hendaklah dihantar kepada Pengarah AIAC bersama-sama dengan notis timbang tara.
PERATURAN 3	Semua dokumen, iaitu notis timbang tara, pernyataan tuntutan, pernyataan pembelaan, dokumen yang mempunyai pindaan terhadap tuntutan atau pembelaan dan rayuan kepada Tribunal Timbang Tara hendaklah diberikan kepada pengarah AIAC ketika prosiding dilakukan atau sejurus selepas prosiding dilakukan.
PERATURAN 4 & 5	Peraturan 4 - Pihak AIAC boleh melantik seorang penimbang tara sekiranya pihak-pihak yang terlibat tidak melantik lagi seorang penimbang tara dalam masa 30 hari. Pengarah AIAC boleh membuat pelantikan mengikut budi bicara beliau. Peraturan 5 - pelantikan seorang penimbang tara boleh dicabar sekiranya terdapat perkara yang meragukan dan hendaklah menghantar notis tersebut dalam masa 15 hari selepas menerima notis pelantikan penimbang tara.
PERATURAN 6 – 8	Peraturan 6 – Kuasa tribunal timbang tara adalah merangkumi menentukan tempoh prosiding, mengadakan sesi prosiding bagi memenuhi segala keperluan setiap pihak yang terlibat, mengarahkan setiap pihak mengemukakan apa-apa dokumen, alat atau harta yang berkaitan dengan prosiding tersebut dan menentukan apa-apa pembuktian atau keterangan yang dikemukakan relevan pada prosiding tersebut. Peraturan 7 - Pihak-pihak boleh bersetuju tentang tempat timbang tara. Jika gagal untuk mencapai persetujuan, tempat timbang tara hendaklah di Kuala Lumpur, Malaysia melainkan jika Tribunal Timbang Tara menentukan, dengan mengambil kira semua hal keadaan kes itu, bahawa tempat lain adalah lebih sesuai. Peraturan 8 – Suatu pihak boleh memerlukan bantuan kecemasan interim sebelum penubuhan Tribunal Timbang Tara.
PERATURAN 9	Pihak-pihak boleh bersetuju bahawa – a) Penambahan pihak ketiga untuk menyertai prosiding timbang tara (sebagai pemohon atau responden); b) Dokumen dan perjanjian yang ringkas yang

---

berkaitan dengan pihak ketiga hendaklah diberikan kepada Pengarah (tribunal timbang tara);

- c) Persetujuan menerima penyertaan pihak ketiga hendaklah dilakukan dalam 15 hari selepas menerima pengesahan atau bantahan daripada Pengarah (tribunal timbang tara).

#### PERATURAN 10

Tribunal Timbang Tara boleh menjalankan timbang tara mengikut cara yang difikirkannya sesuai iaitu dengan cara penyatuan dan tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu boleh, melainkan jika semua pihak kepada timbang tara itu bersetuju selainnya.

Dalam tempoh 15 hari selepas *award* penyatuan tribunal timbang tara dilakukan oleh pengarah, pihak-pihak yang terlibat boleh menerima *award* tersebut atau membuat permohonan bantahan tentang pelantikan penimbang tara yang ditentukan oleh pengarah.

#### PERATURAN 11

Tatacara Rujukan bagi Majlis Penasihat Syariah, Tribunal Timbang Tara diperlukan untuk:

- a) membuat segala pandangan tentang hal yang berkaitan dengan berpandukan prinsip Syariah; dan  
b) membuat *award* terhadap pertikaian yang timbul dari aspek Syariah dalam perjanjian yang terlibat berasaskan prinsip-prinsip Syariah;

Bagi mengelakkan keraguan, pelaksanaan arahan yang berkaitan dengan Majlis Penasihat Syariah hanya boleh berkaitan dengan isu atau soalan yang dikemukakan oleh Tribunal Timbang Tara dan bahawa Majlis berkenaan tidak mempunyai apa-apa bidang kuasa dalam membuat penemuan fakta baharu atau merumuskan *award* tersebut berkaitan apa-apa fakta yang lain.

#### PERATURAN 12

Kemudahan bagi menjalankan prosiding timbang tara adalah termasuk tempat yang sesuai untuk persidangan Tribunal Timbang Tara, bantuan setiausaha, perkhidmatan transkripsi, dan persidangan video.

#### PERATURAN 13

Tribunal Timbang Tara hendaklah memberikan *award* muktamadnya dalam tempoh yang dihadkan kepada tiga bulan. Had masa itu hendaklah bermula dari tarikh penyampaian penghujahan penutup atau terakhir secara lisan atau secara bertulis.

Bayaran dan perbelanjaan penimbang tara hendaklah munasabah, dengan mengambil kira amaun dalam pertikaian, kerumitan hal perkara, masa yang digunakan oleh penimbang tara dan apa-apa keadaan lain yang berkaitan tentang kes itu.

#### PERATURAN 14

Kos bagi tribunal timbang tara adalah termasuk bayaran perkhidmatan penimbang tara, kos perjalanan yang ditanggung oleh pihak penimbang tara, kos-kos pentadbiran daripada pihak AIAC, diikuti dengan bayaran-bayaran yang berkaitan pihak Majlis Penasihat Syariah.

---

---

PERATURAN 15 – 16

Peraturan 15 – pihak-pihak yang telah merujuk pertikaian mereka kepada tribunal timbang tara dikehendaki membuat bayaran deposit (yang ditentukan oleh Pengarah) dalam masa 21 hari ke pihak AIAC. Jika pembayaran deposit tidak dilakukan pada masa yang ditetapkan, tribunal timbang tara tersebut akan ditamatkan.

Peraturan 16 - Jika pihak-pihak telah merujuk pertikaian mereka kepada kaedah pengantaraan di bawah Peraturan Pengantaraan dan mereka tidak mencapai penyelesaian dan selepas itu meneruskan kaedah timbang tara di bawah Peraturan ini, maka setengah daripada kos pentadbiran akan dibayar kepada AIAC. Hal ini kerana kos pentadbiran bagi kaedah perdamaian atau pengantaraan akan dikreditkan bagi kaedah timbang tara.

PERATURAN 17, 18 & 19

Peraturan 17 - Ahli Tribunal Timbang Tara, pihak-pihak yang terlibat dan pihak AIAC hendaklah merahsiakan semua perkara yang berhubungan dengan prosiding timbang tara ini.

Peraturan 18 - Pihak AIAC atau Tribunal Timbang Tara itu hendaklah bertanggungjawab untuk mana-mana pihak bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berkaitan dengan menjalankan prosiding timbang tara itu.

Peraturan 19 - Penyataan secara bertulis atau lisan yang telah dibuat dalam prosiding timbang tara tidak akan digunakan untuk memulakan atau mengekalkan apa-apa tindakan yang boleh dilabelkan sebagai fitnah atau libel atau apa-apa aduan lain.

---

*Sumber:* Peraturan Timbang Tara-I AIAC 2018

Peraturan 11 dalam Peraturan Timbang Tara-i AIAC (*AIAC i-Arbitration Rules*) menyatakan bahawa jika Tribunal Timbang Tara mengeluarkan pendapat tentang hal yang berkaitan dengan prinsip-prinsip Syariah atau untuk membuat *award* tentang pertikaian yang timbul dari aspek Syariah bagi perjanjian yang berasaskan prinsip-prinsip Syariah, perkara itu hendaklah dirujuk kepada MPS atau seorang pakar Syariah. Tribunal Timbang Tara boleh meneruskan untuk membuat *award* ke atas semua isu bukan Syariah yang lain yang timbul daripada pertikaian itu. Namun begitu, *award* MPS atau pendapat pakar Syariah bukan penentu bagi pertikaian tersebut. Hal ini kerana pihak Tribunal Timbang Tara yang akan membuat *award* tentang isu tersebut dan kenyataan daripada MPS akan dianggap sebagai pendapat pakar Syariah sahaja.

Majlis Penasihat merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 atau Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Peraturan Timbang Tara-i AIAC (*AIAC i-Arbitration Rules*) menggabungkan Peraturan Timbang Tara UNCITRAL yang komprehensif dan diterima pakai di peringkat antarabangsa. AIAC menyediakan bantuan pentadbiran kepada tribunal dan pihak-pihak yang terlibat dengan kemudahan yang disediakan, pelantikan penimbang tara, pertukaran penimbang tara, pembayaran fi mengikut jadual yang munasabah dan fi perakaunan dan kos yang digunakan dalam prosiding itu. Peranan dan fungsi AIAC ini dikenal pasti dalam Bahagian I dalam

peraturan. Pelantikan dan pertukaran seorang penimbang tara merupakan seseorang yang mendapat persetujuan semua yang terlibat dan tidak menjadi satu kewajipan untuk melantik seorang penimbang tara yang beragama Islam.

Walaupun tiada sekatan bagi masa untuk menyiapkan timbang tara di bawah Peraturan i-Timbang Tara AIAC, terdapat mekanisme tertentu yang diperkenalkan dalam Peraturan untuk memastikan bahawa hasil timbang tara mengikut tempoh masa yang berkesan. Sebagai contoh, di bawah Peraturan 6, Tribunal Timbang Tara diberikan kuasa untuk menjalankan perkara itu dalam apa-apa cara yang difikirkannya sesuai dan boleh menghadkan masa yang ada bagi setiap pihak membentangkan kes. Di bawah Peraturan 13 pula, Tribunal Timbang Tara perlu memberi *award* yang terakhir dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penyerahan penghujahan penutup sama ada secara lisan atau dalam bentuk pernyataan bertulis. Terdapat lanjutan masa yang dibenarkan tertakluk kelulusan Pengarah AIAC. Tambahan pula, terdapat satu peruntukan di bawah Bahagian II (Peraturan Timbang Tara UNCITRAL), iaitu Perkara 25, yang memperuntukkan bahawa tempoh masa yang ditetapkan oleh Tribunal Timbang Tara untuk komunikasi pernyataan bertulis (termasuk pernyataan tuntutan dan pernyataan pembelaan) tidak boleh melebihi 45 hari.

Hal ini berbeza sedikit dengan Peraturan Timbang Tara KLCRA (Perbankan Islam dan Perkhidmatan Kewangan) 2007. Hal ini kerana apa-apa kontrak timbang tara, urusan perniagaan atau urusan niaga yang melibatkan pertikaian daripada apa-apa transaksi kewangan Syariah di Malaysia hendaklah mengikut Peraturan Timbang tara KLCRA (Perbankan Islam dan Perkhidmatan Kewangan) 2007.

Antara pertikaian yang boleh menggunakan kaedah timbang tara di bawah Peraturan ini adalah seperti yang berikut:

Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada perniagaan berkaitan kewangan Islam, perbankan Islam, takaful, produk pasaran modal Islam atau perkhidmatan atau apa-apa perniagaan transaksi lain yang berasaskan prinsip-prinsip Syariah daripada perjanjian ini atau kontrak hendaklah diputuskan oleh timbang tara mengikut Peraturan Timbang tara KLCRA (Perbankan Islam dan Perkhidmatan Kewangan).

Peraturan Timbang Tara-i AIAC boleh diamalkan di peringkat dalam negeri atau di peringkat antarabangsa. Tidak seperti Peraturan Timbang Tara KLCRA (Perbankan Islam dan Perkhidmatan Kewangan) 2007 (*KLRCA Rules for Arbitration for Islamic Banking and Financial Services Act 2007*), Kaedah ini tidak terhad kepada urusan niaga dan urusan perniagaan yang melibatkan instrumen kewangan dan komoditi seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Kini, apa-apa urusan niaga perdagangan yang mempunyai komponen Syariah, sama ada dalam negeri atau antarabangsa, boleh melalui kaedah timbang tara di bawah Peraturan Timbang Tara-i AIAC selagi pihak-pihak terlibat memilih kaedah-kaedah yang mengawal tatacara timbang tara.

Seperti yang diucapkan oleh Tan Sri Dato' Dr. Ungku Zeti Akhtar Aziz (2004)<sup>14</sup> yang menggalakkan kaedah timbang tara ini,

...to complement the court system, disputes may also be referred to the arbitration centre for resolution. In this regard, the Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration (formerly known as KLRCA) will be enhanced to serve as a platform to deal with cases involving Islamic Banking and finance, and to extend these beyond or borders.

Hal yang demikian menunjukkan kaedah timbang tara (termasuk yang melibatkan prinsip Syariah) di bawah pegangan AIAC adalah komprehensif dan selaras dengan kaedah timbang tara di negara-negara yang lain. Kesimpulannya, Peraturan Timbang



Tara-i AIAC (*AIAC i-Arbitration Rules*) telah dikemaskinikan dari semasa ke semasa dan pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan prinsip Syariah diamalkan dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan produk-produk kewangan Islam.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan kaedah timbang tara menekankan tempoh proses penyelesaian pertikaian yang singkat, iaitu

dalam tempoh masa tiga bulan. Proses penyelesaian pertikaian adalah adil, telus dan mengikut persetujuan bersama antara pihak-pihak yang terlibat. Tiada kos yang dikenakan oleh mahkamah terhadap permohonan pihak-pihak yang terlibat berhubung dengan apa-apa prosiding sepanjang tatacara timbang tara ini dilaksanakan. Pengamalan kaedah timbang tara dalam penyelesaian pertikaian kewangan Islam bakal memberikan implikasi yang besar kepada peningkatan masyarakat Malaysia terhadap penggunaan produk-produk kewangan Islam.

## Nota

- <sup>1</sup> Amin, S. H. 1988. *Commercial Arbitration in Islamic and Iranian Law*. Royston Publishers. Glasgow, United Kingdom.
- <sup>2</sup> El-Ahdab, A-H. 2011. *Arbitration with the Arab Countries*. Kluwer Law International. Zuidpooslingel, Netherlands.
- <sup>3</sup> Saleh, S. 2011. *Commercial Arbitration in the Arab Middle East: Jordan, Kuwait, Bahrain, and Saudi Arabia*. United Kingdom: Aseanlex Ltd.
- <sup>4</sup> El-Ahdab, A-H. 2011. *Arbitration with the Arab Countries*. Kluwer Law International. Zuidpooslingel, Netherlands.
- <sup>5</sup> Guest, A. G. 1979. *Anson's Law of Contract*. 24. London: E.L.B.S. Oxford University Press.
- <sup>6</sup> Ibid
- <sup>7</sup> Bennett., S. C. 2000. Click-Wrap Arbitration Clauses. *International Review of Law, Computers & Technology* 14(3): 397-409.
- <sup>8</sup> Mohamad Ismail Mohamad Yunus. 2007. Sejauhmanakah Kekebalan Dan Keadilan Undang-Undang Timbang tara Di Malaysia Yang Berasaskan Akta Timbangtara 2005. *INSAF - The Journal of the Malaysian Bar* (2007) XXXVI No. 1: 55-64 & Abd. Aziz Hussin. 1992. *Undang-Undang Timbang Tara*. Ed. Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>9</sup> Anon. 2011. Manual Tatacara Kerja (Semakan Sivil) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMPM) 2011 & Peraturan Timbang Tara-I KLRCA 2018 (Malaysia).
- <sup>10</sup> Scott v Avery (1855) 5 HLC 811
- <sup>11</sup> Firma Palmbulk Services Sdn Bhd v Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang & SL (1988) 1 MLJ 268
- <sup>12</sup> Anon. 2011. Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kedua Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat Pertama. Malaysia, P. 20.

<sup>13</sup> Auerbach, J. S. 1983. *Justice without Law?* New York: Oxford University Press.

<sup>14</sup> Zeti Akhtar Aziz. 2004. Current Issues and Developments in Islamic Banking and Finance. ASLI Conference on Developing Islamic Banking and Capital Market. New Opportunities, New Market and New Frontier in Islamic Banking and Finance. Kuala Lumpur.

## RUJUKAN

- Abd. Aziz Hussin. 1992. *Undang-Undang Timbang Tara*. Ed. Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Timbang Tara 2005 (Malaysia)
- Amin, S. H. 1988. *Commercial Arbitration in Islamic and Iranian Law*. Royston Publishers. Glasgow, United Kingdom.
- Anon. 2011. Manual Tatacara Kerja (Semakan Sivil) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMPM) 2011.
- Anon. 2011. Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kedua Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat Pertama. Malaysia, P. 20.
- Auerbach, J. S. 1983. *Justice without Law?* New York: Oxford University Press.
- Bennett., S. C. 2000. Click-wrap arbitration clauses. *International Review of Law, Computers & Technology* 14(3): 397-409.

- El-Ahdab, A-H. 2011. *Arbitration with the Arab Countries*. Kluwer Law International. Zuidpoolsingel, Netherlands.
- Guest, A. G. 1979. *Anson's Law of Contract*. 24. London: E.L.B.S. Oxford University Press.
- Mohamad Ismail Mohamad Yunus. 2007. Sejauhmanakah kekebalan dan keadilan undang- undang timbang tara di Malaysia yang berasaskan Akta Timbang tara 2005. *INSAF - The Journal of the Malaysian Bar* (2007) XXXVI No. 1: 55-64.
- Nur Khalidah Dahlan. 2016. Pengadilan tanpa perbicaraan mahkamah: Suatu analisis dalam memenuhi tuntutan pasaran kewangan Islam di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Peraturan Timbang Tara-i AIAC 2018 (Malaysia).
- Saleh, S. 2011. *Commercial Arbitration in the Arab Middle East: Jordan, Kuwait, Bahrain, and Saudi Arabia*. United Kingdom: Aseanlex Ltd.
- Zeti Akhtar Aziz. 2004. Current Issues and Developments in Islamic Banking and Finance. ASLI Conference on Developing Islamic Banking and Capital Market. New Opportunities, New Market and New Frontier in Islamic Banking and Finance. Kuala Lumpur.

Dr. Nur Khalidah Dahlan  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
E-mel: nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my